



## SOALAN LAZIM JABATAN PERKHIDMATAN PEMBETUNGAN SABAH

1) Soalan : Apakah itu kumbahan?

Jawapan : Kumbahan ialah air buangan yang terdiri daripada najis dan air sisa dari rumah, premis industri dan pertanian.

2) Soalan : Mengapakah kumbahan perlu dirawat sebelum dilepaskan ke parit berdekatan dan sungai?

Jawapan : Rawatan kumbahan amat penting untuk mengeluarkan bahan-bahan pencemar bagi memelihara alam sekitar daripada tercemar serta mengelak penyakit bawaan air seperti kolera, typhoid, polio hepatitis, dysentery dan lain-lain

3) Soalan : Apakah punca masalah pembetulan?

Jawapan : Punca masalah pembetulan adalah seperti berikut:

- i. Sisa makanan, minyak lemak dan gris (FOG) daripada restoran dan makanan segera
- ii. Pembuangan bahan-bahan binaan seperti pasir, batu, simen dan bahan-bahan keras ke dalam paip pembetulan
- iii. Kerja-karya pembinaan atau pengubahsuaian premis/bangunan atau jalan/lebuhraya menyebabkan paip pembetulan seringkali pecah.
- iv. -Pembuangan sampah sarap ke sistem pembetulan
- v. Pembuangan minyak hitam dari bengkel
- vi. Akar pokok
- vii. Kualiti kerja pemasangan paip pembetulan yang tidak memuaskan
- viii. Jenis paip pembetulan yang tidak sesuai
- ix. Vandalism

4) Soalan : Berapa kerap tangki septik perlu dikosongkan?

Jawapan : Tangki septik perlu dikosongkan 2 tahun sekali

5) Soalan : Mengapa tangki septik perlu dikosongkan?

Jawapan : Tangki septik perlu dikosongkan bagi membuang enapcemar yang berlebihan, mengelak 'filter media' di dalam tangki septik daripada tersumbat dan memastikan tangki septik dapat berfungsi dengan baik

6) Soalan : Agensi manakah yang bertanggungjawab untuk mengambil tindakan berkenaan aduan kumbahan? Adakah Pihak Berkuasa Tempatan atau Dewan Bandaraya Kota Kinabalu atau Jabatan Kerja Raya Sabah?

Jawapan : Jabatan Perkhidmatan Pembetulan Sabah telah ditubuhkan pada awal Tahun 2020 dan tujuan penubuhannya adalah untuk mengawal selia hal ehwal pembetulan di seluruh Sabah. Jabatan Perkhidmatan Pembetulan Sabah akan mengambil tindakan terhadap aduan kumbahan bagi aset pembetulan yang telah diserahkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Dewan Bandaraya Kota Kinabalu dan Jabatan Kerja Raya Sabah.

7) Soalan : Bagaimanakah saya hendak membuat aduan berkenaan perkhidmatan pembetulan?

Jawapan : Aduan berkaitan perkhidmatan pembetulan boleh dibuat melalui panggilan telefon kepada Jabatan Perkhidmatan Pembetulan di daerah masing-masing atau ibu pejabat dan juga melalui alamat email [jpp@sabah.gov.my](mailto:jpp@sabah.gov.my)

8) Soalan : Adakah perkhidmatan pembetulan akan diberhentikan dengan Perintah Kawalan Pergerakan? Jawapan : Tidak. Kerja-karya pengoperasian, dan penyenggaraan sistem pembetulan akan dilaksanakan seperti sedia kala bagi memastikan perkhidmatan berjalan lancar dan berterusan.

9) Soalan : Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Jabatan Perkhidmatan Pembetulan Sabah bagi memastikan operator tidak terdedah kepada risiko jangkitan COVID19 semasa menjalankan tugas?

Jawapan : Jabatan Perkhidmatan Pembetulan Sabah akan menyediakan peralatan kepada operator seperti kemudahan sanitasi (hand sanitizer), dan PPE lain seperti sarung tangan, penutup muka dan sebagainya semasa menjalankan tugas rutin.